

KENYATAAN AKHBAR

CIDB MENGIKTIRAF 11 WARTAWAN DI ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN 2019 NEGERI SARAWAK

Borneo Post dan TV3 Sarawak mengungguli kategori 'Media Cetak & Portal Berita' dan 'Media Penyiaran Televisyen & Video Dalam Talian'

Sarawak, 15 November 2019: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini, meraikan kecemerlangan 11 wartawan dan jurugambar di Anugerah Media Pembinaan CIDB 2019 (AMP 2019), Negeri Sarawak. AMP 2019 yang dianjurkan buat kali ke-5 bersama Kementerian Kerja Raya (KKR) memberi penghargaan kepada wartawan dan jurugambar yang komited dalam menyalurkan maklumat berkaitan dengan sektor pembinaan kepada rakyat Malaysia.

Anugerah-anugerah tersebut disampaikan oleh Menteri Kerja Raya, YB Tuan Baru Bian, bersempena Malam Penghargaan Media Kementerian Kerja Raya di Sarawak. Karya-karya penyertaan berkisar tentang sektor pembinaan berdasarkan empat teras strategik Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020, iaitu Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme, Kemampanan Alam Sekitar, Produktiviti serta Pengantarabangsaan.

“Media memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia mengenai perkembangan dalam industri pembinaan. Ini merupakan elemen sokongan yang penting dalam usaha kerajaan untuk memacu transformasi sektor pembinaan negara kita untuk menjadi sektor bertaraf antarabangsa,” kata Ketua Eksekutif CIDB Malaysia, Datuk Ir. Ahmad ‘Asri Bin Abdul Hamid.

“Tambahan lagi, perkara ini sememangnya relevan kerana Kerajaan telah menyediakan banyak peruntukan bagi pembangunan infrastruktur, kemudahan sosial dan penyelenggaraan di seluruh negara termasuk di Sarawak di dalam Belanjawan 2020 yang dibentangkan pada bulan lepas. Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan mengiktiraf kepentingan industri pembinaan sebagai salah satu daripada pemangkin pembangunan ekonomi negara,” katanya lagi.

Borneo Post mengungguli kategori Media Cetak & Portal Berita, dengan memenangi tempat pertama menerusi wartawannya, Yvonne Tuah Merawin dengan penulisan bertajuk *‘Clearing the air for construction’* dan juga tempat ketiga dengan penulisan Sharon Kong Yih Hieng, bertajuk *‘The business of railway connectivity’*.

Manakala TV3 Sarawak membawa pulang dua anugerah bagi kategori Media Penyiaran Televisyen & Video Dalam Talian yang mana tempat pertama dimenangi oleh wartawannya, Adib Bin Othman dan Farizan Bin Jalal menerusi liputannya, *‘Lebuhraya Pan Borneo: Pakej pertama siap Januari ini’* dan tempat ketiga oleh Kadir Anak Edison dan Farizan Bin Jalal dengan liputan *‘Tanggungjawab sosial: Petronas bantu bina asrama pelajar’*.

Bagi kategori Fotografi, tempat pertama dimenangi oleh New Sarawak Tribune oleh jurugambarnya, Ramidi Bin Subari dengan gambarnya yang bertajuk *‘Brave or just careless’*. Kesemua pemenang masing-masing membawa pulang wang tunai beserta sijil dan trofi.

Senarai pemenang adalah seperti yang berikut:

A. Kategori Media Cetak & Portal Berita (Berita & Rencana):

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Pertama (RM5,000)	Yvonne Tuah Merawin	Borneo Post	Clearing the air for construction
Kedua (RM3,000)	Haini Binti Darani	Utusan Sarawak	Pekerja terlatih, teknologi tiada
Ketiga (RM2,000)	Sharon Kong Yih Hieng	Borneo Post	The business of railway connectivity

B. Kategori Media Penyiaran Televisyen & Video Dalam Talian:

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Pertama (RM5,000)	Adib Bin Othman & Farizan Bin Jalal	TV3 Sarawak	Lebuhraya Pan Borneo : Pakej pertama siap Januari ini
Kedua (RM3,000)	Mohd. Shadiqin Bin Mohd. Bahrin	RTM Kuching	BERSIRI: Jajaran Pan Borneo
Ketiga (RM2,000)	Kadir Anak Edison & Farizan Bin Jalal	TV3 Sarawak	Tanggungjawab sosial: Petronas bantu bina asrama pelajar

C. Kategori Fotografi:

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Pertama (RM5,000)	Ramidi Bin Subari	New Sarawak Tribune	Brave or just careless
Kedua (RM3,000)	Zulazhar @ June Bin Sheblee	The Star	Canine on the job
Ketiga (RM2,000)	Andre Oliveiro Bin Rapa'ee	Utusan Sarawak	Patuh peraturan keselamatan

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cidb.gov.my

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Disediakan bagi pihak CIDB oleh NagaDDB Tribal:

NagaDDB Tribal

<i>Putri Adlina</i>	<u>putri.adlina@nagadddbtribal.com.my</u>	<i>013 – 357 9055</i>
<i>Kristine Yap</i>	<u>kristine.yap@nagadddbtribal.com.my</u>	<i>017 – 333 3637</i>

#####